



## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

### SIARAN MEDIA

#### KEJOHANAN LIGA SUKAN KOMUNITI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023 MEDAN PENCARIAN BAKAT BAHARU SUKAN TANAH AIR

---

1. YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah merasmikan **Kejohanan Liga Sukan Komuniti Peringkat Kebangsaan Tahun 2023** bertempat di **Dewan Sri Putra, Kuala Lumpur Sports City, Bukit Jalil** hari ini.
2. Kejohanan ini merupakan acara kemuncak **penganjuran Liga Sukan Komuniti (LSK)** yang dianjurkan oleh **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** menerusi **Jabatan Belia dan Sukan** di seluruh negara. LSK telah dimulakan pada bulan **Julai hingga November 2023** dengan sasaran penyertaan seramai **62,228 orang** merangkumi semua peringkat penganjuran iaitu daerah, negeri dan kebangsaan.
3. LSK mempertandingkan empat (4) acara sukan iaitu **futsal, bola jaring, sepak takraw** dan **bola keranjang** dengan objektif:
  - 3.1 **menyerlah dan memperkasakan potensi bakat sukan** terutamanya di peringkat akar umbi dan komuniti;
  - 3.2 menyemai **pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat** dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (*sporting nation*);
  - 3.3 meningkatkan **akses dan merakyatkan sukan** menerusi amalan gaya hidup aktif dan sihat;

- 3.4 memperkasakan **pembangunan sukan untuk semua** seiring dengan **kerangka Malaysia MADANI dan Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)**; dan
  - 3.5 mengukuhkan **perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti** serta bertindak sebagai langkah intervensi sosial bagi mengelakkan gejala negatif terutamanya melibatkan belia dan anak muda.
4. Pemenang akan membawa pulang hadiah wang tunai, trofi dan sijil. Majlis penutup dijadualkan akan diadakan pada **5 November 2023 (Ahad)**, jam **3.00 petang** di **Dewan Sri Putra, Kuala Lumpur Sports City, Bukit Jalil**. Senarai dan lokasi acara Liga Sukan Komuniti Peringkat Kebangsaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  5. Turut hadir ke majlis perasmian adalah YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan dan YBr. Tuan Mohd Azhari Mohammad, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN). Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut berhubung penganjuran kejohanan, sila hubungi JBSN di talian **03-8871 3242** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**3 NOVEMBER 2023**

## LAMPIRAN A

**SENARAI ACARA DI BAWAH PENGANJURAN KEJOHANAN LIGA  
SUKAN KOMUNITI PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

BIL	ACARA	LOKASI	PENYELARAS JBSN
1.	Futsal	Dewan Sri Putra, KL Sports City, Bukit Jalil	Nama: Encik Mohd Dzulfahmi bin Mohd Tahar No. Telefon: 012-957 4196
2.	Bola Jaring	Dewan Biomechanics, Institut Sukan Negara (ISN), Bukit Jalil	Nama: Puan Noorli Asyiha No. Telefon: 011-5503 2327
3.	Sepak Takraw	Dewan Gimnasium C, Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil	Nama: Encik Ahmad Faizal Zainuddin No. Telefon: 012-353 0471
4.	Bola Keranjang	Pekarangan Dewan Sri Putra, KL Sports City, Bukit Jalil	Nama: Encik Razak Rashid No. Telefon: 0 17-878 0826



Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan di talian 03 - 8871 3100.